

SULIT
3756/2
Prinsip Perakaunan
Kertas 2
Ogos 2019
2½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
PANITIA PRINSIP PERAKAUNAN

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
(3756 / 2)
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas ini mengandungi 30 halaman bercetak dan 2 halaman kosong.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

1. (a) Nyatakan andaian,prinsip dan batasan perakaunan bagi situasi berikut:
- (i) Pemilik menjelaskan bil elektrik rumahnya tetapi tidak direkodkan di dalam buku perniagaan [1 markah]
- (ii) Penyata kewangan bagi Perniagaan Maju telah disediakan berdasarkan semua urus niaga yang berlaku sepanjang 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015. [1 markah]
- (b) Dokumen perniagaan digunakan sebagai alat komunikasi antara pembekal dengan pembeli.
Beri **dua** contoh dokumen yang terlibat antara pembekal dengan pembeli bagi urus niaga secara kredit.
[2 markah]
- (c) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Quali Sendirian Berhad.
- | | RM |
|--|-----|
| Jumlah tunai runcit yang diperuntukkan pada awal bulan | 250 |
| Jumlah tunai runcit yang telah dibelanjakan | 127 |
| Baki tunai runcit | 123 |
- Hitung jumlah rekupmen berdasarkan Sistem Panjar Runcit.
[2 markah]
- (d) Apakah kaedah ang digunakan untuk penentuan untung atau rugi bagi sebuah perniagaan yang mempunyai rekod tak lengkap.
[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Runcit Alek pada 30 Jun 2019.

	RM
Kenderaan (kos)	87 000
Susut nilai terkumpul	52 500
Maklumat Tambahan :	
Pada 1 Julai 2019, kenderaan tersebut telah dijual pada harga RM 30 000.	

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut.

[2markah]

2. Imbangan Duga pada 31 Julai 2019 yang diperoleh daripada Perniagaan Al Fateh adalah seperti berikut :

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pengiklanan	1 020	
Bank		5 810
Modal		30 000
Diskaun diberi	245	
Diskaun diterima		225
Ambilan	1 800	
Lengkapan (kos)	30 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		11 500
Belanja am	7 510	
Inventori 1 Ogos 2018	25 000	
Tunai runcit	2 750	
Peruntukan hutang ragu		2 550
Belian	368 740	
Pulangan belian		4 230
Sewa	18 000	
Belanja membaiki	6 500	
Gaji	39 800	
Jualan		489 900
Pulangan jualan	8 900	
Akaun belum bayar		26 620
Akaun belum terima	58 325	
Belanja pengangkutan	2 245	
	<u>570 835</u>	<u>570 835</u>

Maklumat tambahan

- i. Inventori pada 31 Julai 2019 dinilaikan seperti berikut :

	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
Inventori P	5 800	6 670
Inventori Q	6 580	9 850
Inventori R	11 540	8 250
Inventori S	7 890	9 030

- ii. Pemilik telah membeli lengkapan bernilai RM 6 950 pada 1 Julai 2019 dengan menggunakan wang peribadi. Perkara tersebut belum direkodkan.
- iii. Lengkapan disusutnilaikan sebanyak 10% menggunakan kaedah garis lurus. Polisi perniagaan menetapkan susut nilai dikira untuk setahun sekiranya aset dibeli dalam tempoh kewangan dan susut nilai tidak diambil kira pada tahun aset dilupuskan.
- iv. Cek tak laku telah direkodkan tetapi pembatalan diskau diberi RM 55 masih belum direkodkan.
- v. Peruntukan hutang ragu dikekalkan kepada 5% daripada akaun belum terima.
- vi. Sepanjang tahun pemilik telah mengambil alat tulis RM 150 untuk kegunaan peribadi. Perkara ini direkodkan sebagai belanja am.
- vii. Invois berjumlah RM 1 800 untuk sewa adalah bagi tempoh tiga bulan sehingga 30 September 2019.
- viii. Perniagaan menyertai kempen pengiklanan yang berterusan dengan kos sebanyak RM 350 setiap bulan. Invois terakhir yang diterima adalah bagi bulan 30 April 2019.
- ix. Jualan termasuk RM 2 600 yang diterima untuk kerja-kerja yang akan dijalankan pada bulan September 2019.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2019 (bentuk penyata)

[13 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019

[12 markah]

3. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Kayak Eco bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2018 :

	RM
Bangunan (kos)	52 000
Peralatan Kayak (kos)	45 000
Susut nilai terkumpul :	
Bangunan kelab	10 400
Peralatan kayak	16 875
Belanja am prabayar	180
Yuran belum terima	1 250
Inventori minuman	525
Tunai di bank	2 965
Upah belum bayar pekerja minuman	450
Akaun belum bayar minuman	125
Yuran belum terperoleh	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2018:

	RM
Penerimaan :	
Yuran	25 600
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	40 000
 Pembayaran :	
Minuman :	
Belian	6 840
Upah pekerja	4 300
Peralatan kayak :	
Belian sepanjang tahun	5 000
Belanja membaiki	2 640
Membaikei bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	50 500
Belanja am	4 200

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2018 :

- (i) Belanja am prabayar RM 165
- (ii) Inventori :
 - Minuman RM 575
- (iii) Upah belum bayar pekerja minuman RM 365
- (iv) Akaun belum bayar RM 228
- (v) Belanja am RM 4 200 adalah termasuk bayaran berkaitan minuman berjumlah RM 1 150
- (vi) Yuran :
 - Belum terima RM 850
 - Belum terperoleh RM 1 150
- (vii) Susut nilai dikira menggunakan kaedah garis lurus :
 - Bangunan kelab 5% setahun
 - Peralatan kaak 25% setahun

Anda dikehendaki :

- (a) Mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2018. Tunjukkan jalan pengiraan dengan jelas.
[4 markah]
- (b) Menyediakan akaun berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2018:
 - (i) Akaun Yuran [6 markah]
 - (ii) Akaun Perniagan Minuman [6 markah]
 - (iii) Akaun Pendapatan dan Perbalanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
[7 markah]
- (c) Menyediakan Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018 dengan menunjukkan bahagian dana terkumpul sahaja.
[2 markah]

Bahagian B
[40 markah]
Jawab 2 soalan sahaja

4. SenWell Enterprise, pengeluar minuman kesihatan di Klang bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan yogurt berjenama Ambrosia. Harga jualan satu paket minuman berkenaan ialah RM 5.00.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut :

	RM
Susut nilai mesin	1 200
Sewa kilang	800
Susu mentah	1.60 satu paket
Gula pasir	0.50 satu paket
Buah-buahan	0.50 satu paket
Lain-lain bahan	0.40 satu paket
Upah langsung	1.00 satu paket

Anda dikehendaki menyediakan :

(a) Menghitung :

- (i) Margin caruman seunit [2 markah]
(ii) Titik pulang modal [2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan anda di 4(a), lukis Graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan di **Lampiran A** dengan menggunakan skala yang sesuai.

Anda perlu :

- (i) Labelkan semua garisan pada graf [6 markah]
(ii) Tunjukkan titik pulang modal [3 markah]
(iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi [2 markah]

(c) Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya SenWell Enterprise mensasarkan pengeluaran sebanyak 15 000 paket Ambrosia dengan kos pengiklanan RM 700 [3 markah]

(d) Nyatakan fungsi titik pulang modal kepada pengeluar. [2 markah]

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Sarikat Zainon Berhad :

Syarikat Zainon Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

	RM'000
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar penuh</u>	
2 000 000 unit 8% syer keutamaan RM 2.00 sesyer	4 000
5 800 000 unit syer biasa RM 1.00 sesyer	5 800

- (a) Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017:

Tahun	Keuntungan RM'000
2016	200
2017	556

Maklumat Tambahan :

- (i) Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sebanyak RM 640 000.
- (ii) Pada 30 Jun 2018, Lembaga Pengarah telah :
 - menyistiharkan pembayaran dividen interim kepada pemegang syer keutamaan dan 2% kepada pemegang syer biasa.
 - mencadangkan dividen akhir 7% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) Melengkapkan jadual di **Lampiran B** untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dengan pemegang syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017. [4 markah]
- (ii) Menghitung kadar dividen saham biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [2 markah]
- (iii) Menghitung dividen interim dan dividen akhir tahun berakhir 31 Disember 2018. [4 markah]

- (b) Pada 31 Mei 2019. Lembaga Pengarah Syarikat Zainin Berhad memerlukan modal tambahan dengan membuat terbitan syer kali kedua. Pada 1 Julai 2019, syarikat telah menerbitkan 500 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM 2.50 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM 1.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 25 Julai 2019.

Anda dikehendaki :

- (i) merekodkan terbitan syer ke dalam lejar yang berkaitan. [10 markah]

6. (a) En. Mashmello ialah pemilik kedai buku Meshllo di Pekan, Pahang. Pada 1 Januari 2019, baki tunai perniagaannya ialah RM 4 600.

	Januari RM	Februari RM	Mac RM
Belian	9 600	7 300	8 200
Susut nilai lengkapan	220	220	220
Kadar bayaran	600	500	550

Maklumat Tambahan :

- (i) Pada Disember 2018, jumlah jualan RM 25 300 dan jumlah belian RM 12 200
- (ii) Anggaran jualan :
Januari : RM 20 000
Februari dan Mac : Berkurang sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Komisen diterima dianggarkan sebanyak 2% daripada jualan bulan sebelumnya.
- (iv) Semua belian adalah belian kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (v) Terdapat tiga orang pekerja pada bulan Januari dengan gaji sebanak RM 1 000 seorang. Pada bulan Mac, seorang pekerjanya menerima kenaikan gaji sebanyak 30%.
- (vi) Kadar bayaran bulan semasa akan dibayar pada bulan berikutnya. Kadar baaran pada bulan Disember 2018 ialah RM 670.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2019 (tunjukkan lebihan atau kurangan). [12 markah]

- (b) Anda dikehendaki membantu Puan Seno untuk mengukur prestasi perniagaan beliau berdasarkan maklumat berikut :

	RM
Jualan bersih	83 680
Kos Jualan	50 700
Inventori pada 1 Ogos 2018	4 200
Modal pada 1 Ogos 2018	50 300
Untung Bersih	11 960

Maklumat Tambahan :

- Inventori pada 31 Julai 2019 adalah RM 5 200 pada harga kos dan RM 5 000 pada harga pasaran.

Anda dikehendaki menghitung :

- Kadar pusing ganti inventori
- Margin Untung Kasar
- Margin Untung Bersih
- Pulangan atas pelaburan

[8 markah]


KERTAS SOALAN TAMAT

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

LAMPIRAN A



AMA : KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

LAMPIRAN B

Tahun	Keuntungan Diperuntukkan Untuk Dividen RM	Dividen Ser Keutamaan RM	Dividen Syer Biasa RM
2016			
2017			

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

JURNAL

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

LEJAR

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

LEJAR

NAMA : KELAS:.....
NO. SOALAN :.....

NAMA : KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....

NAMA :

KELAS:.....

NO. SOALAN :.....
